

Jenis Akhbar : *Harian Metro*

Tarikh : *13/09/2018*

Edisi / Muka Surat : *Nasional / 72*

Tajuk : *Ahli ANGKASA digesa aktif penyelidikan produk teknologi*

Balakong

Ahli ANGKASA digesa aktif peyelidikan produk teknologi

Ahli Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) digesa bergiat aktif dalam penyelidikan dan pembangunan produk berasaskan teknologi kerana ia sentiasa berkembang sejajar peredaran zaman.

Presiden ANGKASA Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, beliau yakin, menerusi sektor inovasi dan teknologi ANGKASA, lebih banyak koperasi berupaya terbabit dan menyumbang kepada sektor berkenaan.

Beliau berkata, ia berikutan penggunaan teknologi yang semakin meluas sudah pasti menjanjikan peluang perniagaan besar kepada koperasi yang seharusnya bijak mengintai peluang.

“Baru-baru ini, ANGKASA dengan syarikat kenderaan

elektrik, Treeletrik Sdn Bhd, menjalin memorandum persefahaman (MoU).

“Antara lain kita menawarkan ahli untuk menggunakan kenderaan ini untuk dipromosi kegunaannya sekitar kampus atau kawasan perumahan, kerana ia bukan saja menjimatkan tetapi mesra alam,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Program Kibar Jalur Gemilang sempena sambutan kemerdekaan anjuran ANGKASA dengan kerjasama Treeletrik Sdn Bhd, di sini, semalam.

Majlis berkenaan turut meraikan pemenang cabutan bertuah pada Majlis Makan Malam Angkasa yang diadakan awal tahun lalu, Datuk Shaharuddin Mohd Sidek, 56.

*Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA*